

# Penyata Pengarah Urusan



Tahun 2002 sungguh bermakna bagi Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad (BHB) khusus bagi subsidiarinya iaitu syarikat Bintulu Port Sdn. Bhd. (BPSB) yang telah berusia 10 tahun sejak penubuhannya pada tahun 1993. Dalam tempoh sedekad lalu, BPSB telah mengalami perubahan dan pembangunan selaras dengan perkembangan ekonomi semasa. Perkembangan ini secara langsung memberi sumbangan ke arah menjadikan BPSB sebagai sebuah pelabuhan penting di rantau BIMP-EAGA.

## Prestasi Operasi

Pada tahun 2002, Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad mencatat kendalian kargo sebanyak 25.59 juta tan. Dari jumlah tersebut Kargo Pukal Cecair menyumbang 20.28 juta tan manakala selebihnya terdiri dari kargo Pukal Kering dan Kargo Pukal masing-masing 1.82 juta tan dan 3.49 juta tan.

Kargo Pukal Cecair merangkumi Gas Asli Cecair (GAC), Gas Petroliam Cecair (GPC), Minyak Mentah, Produk Petroliam, SMDS, Minyak Sawit, Amonia dan bahan Kimia. Dari jumlah ini GAC menyumbang 59% (15.21 juta tan), Minyak Mentah 11.15% (2.85 juta tan), Produk Petroliam 2.19% (0.56 juta tan), Minyak Sawit 2.91% (0.75 juta tan), SMDS 1.53% (0.39 juta tan), GPC 1.5% (0.38 juta tan), Amonia 0.25% (0.63 juta tan) dan Bahan Kimia 0.26% (0.67 juta tan).

Kargo Pukal Kering merangkumi Urea, Pasir Silika, Baja Pukal, Soda Ash, Palm Kernel Expeller, Sodium Silikat dan Gipsum manakala Kayu Gergaji, Venir, Papan Lapis, Papan Gentian, Simen Kampit, Baja Kampit dan Kargo berkontena merupakan Kargo Pukal.

Sepanjang tahun 2002, BHB menerima 5,019 singgahan kapal. Penyumbang utama singgahan kapal adalah dari kapal pukal cecair (1,500), kapal kargo am(1,870) diikuti oleh kapal pukal kering (776) dan lain-lain kapal (873).

Kendalian kontena juga terus meningkat dari 66,139 TEUs pada tahun 2001 kepada 104,081 TEUs pada tahun 2002. Dari jumlah tersebut sejumlah 68,476 TEUs merupakan kontena pindahkapal iaitu peningkatan sebanyak 90% berbanding dengan tahun 2001.

## Prestasi Kewangan

Perolehan Kumpulan BHB dalam tahun Kewangan semasa adalah RM273.33 juta sementara keuntungan sebelum cukai adalah RM103.42 juta dan setelah mengambil kira peruntukan cukai, keuntungan bersih Kumpulan adalah RM73.37 juta. Dana Pemegang Saham adalah RM783.55 juta. Baki aliran tunai Kumpulan pada penghujung tahun kewangan adalah sebanyak RM438.71 juta.

## Pelaburan Dalam Kelengkapan

Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad telah berusaha melengkapkan Pelabuhan Bintulu dengan peralatan moden yang mencukupi dalam usaha memenuhi keperluan operasi pengendalian kargo yang meningkat. Untuk tujuan tersebut, syarikat sedang berusaha memperolehi 3 unit 'reach stackers' dan 2 unit 'rubber tyred gantry cranes' yang baru.



## Promosi Pelabuhan Bintulu Sebagai Pelabuhan Pusat BIMP-EAGA

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Pengurusan bagi memenuhi hasrat dan misi syarikat untuk menjadi pelabuhan pusat di rantau BIMP-EAGA. Hasil promosi yang berterusan serta sokongan padu para pengguna Pelabuhan dan kerjasama erat dari syarikat-syarikat Operator Perkapalan Utama (MLO) beberapa laluan baru kapal telah berjaya diperkenalkan meliputi laluan Bintulu - Hong Kong - Shanghai - Hong Kong - Muara - Bintulu; Bintulu - Sibu - Kuching - Pontianak - Bintulu; dan Bintulu - Kota Kinabalu - Sandakan - Tawau - Bintulu - Port Klang.

Laluan-laluan baru yang lain akan terus diwujudkan dari masa ke masa.

## Pembangunan Sumber Manusia

Kumpulan BHB mempunyai seramai 776 orang kakitangan. Daripada jumlah itu, seramai 113 orang merupakan kakitangan eksekutif manakala 663 orang merupakan kakitangan bukan eksekutif. Bagi menjamin perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti, Pengurusan menitikberatkan aspek latihan staffnya. Oleh itu, latihan yang berterusan diberi kepada semua staffnya dan peruntukan sebanyak RM1.97 juta disediakan bagi merealisasikan matlamat melahirkan tenaga pekerja yang dinamik, cekap, efisien dan berkualiti selaras dengan hasrat syarikat menjadikannya sebagai 'Learning Organisation'.

## Keselamatan Pelabuhan

Syarikat sentiasa berusaha memastikan aspek keselamatan di tempat kerja dan keselamatan pelabuhan keseluruhannya sentiasa terjaga. Sungguhpun syarikat pernah meraih beberapa anugerah keselamatan sebelum ini, ianya tidak melekakan syarikat malahan

syarikat terus memberi keutamaan kepada aspek 'Safety & Security' dari masa ke semasa supaya risiko keselamatan berada di tahap yang paling minima.

## Penutup

Bagi pihak pengurusan Syarikat, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua staff atas komitmen dan sumbangan mereka kepada kejayaan dan pencapaian Syarikat sepanjang tahun 2002. Saya percaya dengan sokongan dan komitmen yang berterusan ini akan dapat merealisasikan wawasan syarikat untuk menjadi pusat pelabuhan utama di rantau BIMP-EAGA.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi perhargaan dan terima kasih kepada semua ahli Lembaga Pengarah di atas nasihat, tunjuk ajar serta bimbingan yang diberi, para pengguna pelabuhan, rakan perniagaan, pihak Kerajaan dan agensi-agensinya serta pihak badan kawal selia di atas sokongan padu mereka terhadap Pengurusan selama ini.

Terima kasih.

A handwritten signature in blue ink, appearing to read 'Capt. Awangku Malyx bin Pengiran Mahran'.

**Capt. Awangku Malyx bin Pengiran Mahran**  
Pengarah Urusan, Bintulu Port Holdings Berhad

# Managing Director's Statement



Year 2002 is a significant year for the Group (BHB) especially its subsidiary, Bintulu Port Sdn Bhd (BPSB), which was established 10 years ago in 1993. In the past decade, BPSB encountered changes and development in line with current economic development. These developments directly contribute towards making BPSB as an important port in the BIMP-EAGA region.

## Operational Performance

In the year 2002, the Group registered a total cargo throughput of 25.59 million tonnes. Liquid bulk cargoes made up 20.28 million tonnes with the rest shared by dry bulk cargoes, 1.82 million tonnes and break bulk cargoes, 3.49 million tonnes.

The liquid bulk cargo comprises LNG, LPG, Crude Oil, Petroleum Products, SMDS, Palm Oil, Ammonia and Chemical. Of these, LNG contributed 59% (15.21 million tonnes), Crude Oil 11.15% (2.85 million tonnes), Petroleum Products 2.19% (0.56 million tonnes), Palm Oil 2.91% (0.75 million tonnes), SMDS 1.53% (0.39 million tonnes), LPG 1.5% (0.38 million tonnes), Ammonia 0.25% (0.63 million tonnes) and Chemical 0.26% (0.67 million tonnes).

The dry bulk consist of Urea, Silica Sand, Bulk Fertilizer, Soda Ash, Palm Kernel Expeller, Sodium Silicate and Gypsum while Sawn Timber, Veneer, Plywood, Fibre Board, Bagged Cement, Bagged Fertilizer and Containerised Cargo make up the break bulk cargoes.

In 2002, BHB received 5,019 vessel calls. The top contributors to vessel calls are liquid bulk vessels (1,500), general cargo vessels (1,870), followed by dry bulk vessels (776) and other vessels (873).

Containers handled continued to increase from 66,139 TEUs in year 2001 to 104,081 TEUs in year 2002. Of these, transhipment containers registered 68,476 TEUs; an increase of 90% as compared to the previous year.

## Financial Performance

The Group's turnover during the year under review is RM273.33 million. Profit Before Taxation is RM103.42 million and after making provision for taxes, the Group Net Profit is RM73.37 million. Shareholders' Fund is RM 783.55 million. The Group's cash balance at the end of the financial year stood at RM438.71 million.

## Investment In Equipment

The Group has made an effort to equip Bintulu Port with sufficient modern equipment for its operation in order to accommodate the increase in volume of the cargo handled. Hence, the Company will procure new 3 units of 'reach stackers' and 2 units of 'rubber tyred gantry cranes' respectively.



## Promoting Bintulu Port As The Hub Port Of BIMP-EAGA

The Management has made various efforts to fulfill its aspiration and vision to become the hub port in BIMP-EAGA region. As a result of continuous promotion, supported by port users and cooperation of Main Line Operator (MLO) companies, the new shipping routes has been established consists of Bintulu-Hong Kong-Shanghai-Hong Kong-Muara-Bintulu; Bintulu-Sibu-Kuching-Pontianak-Bintulu; and Bintulu-Kota Kinabalu-Sandakan-Tawau-Bintulu-Port Klang.

Other new routes will be established from time to time.

## Human Resource Development

The Group has a total workforce of 776 employees comprises of 113 executives and 663 non executives. To ensure the best and quality services, the Management emphasised on staff training. Thus, all staff undergone continuous training and a total sum of RM1.97 million was allocated for such purpose in order to achieve our aim in producing dynamic, efficient and quality employees in line with the Company's mission to be a Learning Organisation.

## Port Safety

The Company constantly ensures the safety aspect at workplace as well as the port safety. Though obtaining few safety awards, the Company does not neglect but continue to place priority in safety and security aspect from time to time to minimise safety risks.

## Conclusion

On behalf of the Management team, I would like to extend my appreciation and gratitude to all staff for their commitment and contributions towards the success and achievement of the Company throughout year 2002. I believe with this continuous support and commitment, the Company can realise its vision to become the hub port in BIMP-EAGA region.

Finally, I would also like to express my sincere appreciation and gratitude to all the Board of Directors for their advice and guidance, port users, business partners, government and regulatory bodies for their strong support towards the Management all these while.

Thank you.

**Capt. Awangku Malyx bin Pengiran Mahran**  
Managing Director, Bintulu Port Holdings Berhad

# Profil Subsidiari

## Profile Of Subsidiary

### Lembaga Pengarah Board of Directors

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam  
Pengerusi Chairman

Capt. Awangku Abdul Malit @  
Awangku Malyx bin Pengiran Mahran  
- Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif  
Managing Director/Chief Executive Officer

Y. Bhg. Dato' Abdul Rahman bin Hj. Mohd. Noor  
- Pengarah Director

### Setiausaha Syarikat Company Secretary

Encik Nik Abd Rahman bin Nik Ismail

### Juruaudit Auditors

Arthur Andersen & Co.  
- Akauntan Awam Public Accountants

### Bank Utama Principal Banker

Malayan Banking Berhad

### Pejabat Berdaftar Registered Office

Lot 15, Block 20, Kemeny Land District  
12th Mile, Tanjung Kidurong Road  
97008 Bintulu, Sarawak

Tempat Diperbadankan  
Place of Incorporation

Diperbadankan di Malaysia  
Incorporated in Malaysia

### No. Syarikat Company No.

254396-V

### Telefon Telephone

086 - 251001 (20 talian) (20 Lines)

### Faks Fax

086-253597 / 251578

### Teleks Telex

BIPORT MA 73179

### E-mel E-mail

[biport@bpsb.com.my](mailto:biport@bpsb.com.my)

### Laman Web Website

<http://www.bpsb.com.my>



# Lembaga Pengarah

## Board of Directors



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam  
Pengerusi  
Chairman



Capt. Awangku Abdul Malit @  
Awangku Malyx bin Pengiran Mahran  
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif  
Managing Director/Chief Executive Officer



Y. Bhg. Dato' Abdul Rahman bin  
Hj. Mohd Noor  
Ahli  
Member

# Pengurusan Management



Capt. Awangku Abdul Malit @  
Awangku Malyx bin Pengiran Mahran  
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif  
Managing Director/Chief Executive Officer



Encik Nik Abd Rahman bin Nik Ismail  
Setiausaha Syarikat  
Company Secretary



Encik Rambli bin Mashar  
Pengurus Kanan, Kewangan & Pentadbiran  
Senior Manager, Finance & Administration



Encik Andrew Mat Ressa  
Pengurus Kanan, Pembangunan Korporat  
Senior Manager, Corporate Development



Tuan Hj. Omar bin Hj. Salleh  
Pengurus Kanan, Pengurusan Sumber Manusia  
Senior Manager, Human Resources Management



Tuan Hj. Arshad bin Hj. Abang Anuar  
Pengurus Kanan, Teknologi Maklumat  
Senior Manager, Information Technology



Encik Mior Ahmad Baiti bin  
Mior Lub Ahmad  
Pengurus Kanan, Perkhidmatan Teknikal  
Senior Manager, Technical Services



Ir. Hj. Abdul Nasser bin Abdul Wahab  
Pengurus Kanan, Kontena Terminal  
Senior Manager, Container Terminal



Encik Ahmat bin Narawi  
Pengurus Kanan, Perkhidmatan Pengendalian Kargo  
Senior Manager, Cargo Handling Services



Tuan Hj. Morsidi bin Tundok  
Pengurus Kanan, Perkhidmatan Laut  
Senior Manager, Marine Services



Encik Gima Uji  
Pengurus Kanan, Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar  
Senior Manager, Health, Safety & Environment